



---

---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**19 JULAI 2022 (SELASA)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**19 JULAI 2022 (SELASA)**

Kerajaan tingkatkan penguatkuasaan agar subsidi bersasar capai sasaran

# PM: Kita tak berdiam diri

Oleh OMAR ZIN  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan akan meningkatkan penguatkuasaan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan subsidi bersasar namun tidak akan menindas golongan berpendapatan kecil.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Ismail Sabri Yaakob berkata, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan subsidi bersasar tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan, termasuklah pemberian subsidi terhadap minyak masak berpeket.

"Yang susah nak kawal, minyak masak peket untuk kegunaan rumah tetapi pengusaha-pengusaha

restoran besar menggunakan dan satu lagi agak sukar nak kawal. Tak sampai hati nak ambil tindakan terhadap mak cik-mak cik yang jual goreng pisang.

"Mereka tak boleh gunakan minyak masak untuk kegunaan jual goreng pisang, itu salah. Sebab minyak masak peket tidak boleh guna untuk komer-

sial, tapi adakah penguatkuasa nak sanan mak cik atau rampas minyak masak mereka?

"Nanti dituduh kita zalim pulak kepada rakyat yang miskin ini yang nak menjual, kais pagi makan pagi.

"Jadi, bukan sesuatu yang mudah, ada perkara yang perlu dipertimbangkan, tetapi percaya-

lah kerajaan tidak berdiam diri dan Perdana Menteri tidak boleh dikatakan tidak melakukan apa-apa tindakan. Insya-Allah kita akan lakukan yang terbaik untuk kepentingan negara," katanya dalam sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, semalam.

**Bersambung di muka 3**

## PM: Kita tak berdiam diri

Dari muka 1

Ismail Sabri mengakui, minyak masak peket bersubsidi sering diseleweng kerana harganya RM2.50 terlampau rendah.

"Bayangkan harga sebenar RM9, kalau penyeludup bawa keluar jual harga RM5, dia dah untung RM2.50 satu peket, jadi perniagaannya sangat menguntungkan kepada penyeludup.

"Sebab itu kita sedang mengambil tindakan punca minyak masak dikeluarkan pengilang. Kita akan audit pengilang, kita akan dapatkan perincian, siapa pembeli minyak masak daripada mereka," katanya.

Jelasnya, yang paling terdedah kepada penyelewengan

adalah pembungkus minyak masak.

"Mereka diberi kebenaran membungkus satu tan minyak masak, ke mana minyak masak itu dihantar. Jadi kita akan dapatkan nama-nama di kilang-kilang tersebut, siapa penerima minyak masak tersebut dan kita akan siasat pembekal itu, berapa banyak dia dapat, sebab kadang-kadang tak sampai ke pembekal..daripada kilang bawa ke lain, jadi kita akan dapatkan perincian, pastikan tida penyelewengan," katanya.

Dalam masa sama, beliau juga pernah berdepan dengan isu keberkesanannya bersubsidi untuk RON95 ketika menjadi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

"Banyak persoalan timbul,

siapa yang berhak dapat, kita kata, kereta 2,000cc ke bawah, jadi berbagai-bagai isu timbul mengenai ini.

"Di kampung, pak imam pakai Volvo 2,000cc tapi harga Volvo RM10,000. Dia tak boleh mendapat subsidi kerana dia pakai 2,000cc ke atas, sedangkan ada kereta mini yang kecil harga dia beratus ribu tapi kerana kurang 2,000cc jadi dia berhak dapat subsidi.

"Jadi, ini antara perkara yang perlu kita perincikan, bagaimana cara mekanismenya, adakah kita nak beri gula atau gandum, minyak masak menggunakan kupon, adakah kupon boleh digunakan ataupun guna MyKad untuk membeli dan sebagai ny," katanya.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan isu subsidi ber-

sasaran akan dibentangkan di Parlimen.

"Kita sedang perincikan, insya-Allah kita akan bentangkan apakah cara yang kita akan gunakan dari segi subsidi bersasar. Memang kerajaan kerugian besar akibat subsidi tersasar atau tidak bersasar kerana semua pihak menikmatinya, sepatutnya khusus untuk golongan yang berhak iaitu golongan miskin

"Cadangan subsidi bersasar bermula dari beberapa kerajaan tetapi sampai sekarang masih belum boleh dilaksanakan.

"Jadi kerajaan sedang merangka mekanisme supaya tidak ada yang tercici dan tertinggal, kita sedang cari mekanisme yang sesuai supaya semua yang berhak mendapat subsidi akan mendapat subsidi," katanya.

## Usaha atasi ketirisan barang bersubsidi dipergiat

**Kuala Lumpur:** Semua pihak diminta untuk tidak menyalah erti tolak ansur kerajaan dalam menangani isu ketirisan bekalan barang bersubsidi, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Nanta berkata, kementeriannya bersama seluruh jentera agensi penguat kuasa kini menggembang tenaga dalam membasmikan ketirisan barang bersubsidi secara habis-habisan.

Katanya, usaha memerangi ketirisan itu akan diteruskan menerusi proses audit dan pemutihan yang giat dijalankan ketika ini.

"Mesej sama ditujukan kepada 'pengkhianat' yang mendalangi rangkaian kegiatan penyeludupan dan penyelewengan barang bersubsidi, kami akan cari dan dapatkan kamu. Hentikan sebelum terlambat. Jangan angkara gelap mata dengan keuntungan berlipat ganda, hak orang lain sebagai penerima subsidi sebenar dinafikan," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi hantaran di Twitternya mengenai ungkapan 'Bukan Semudah ABC' oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika memberi penjelasan berhubung ketirisan barang bersubsidi dan kenaikan kos sara hidup yang diajukan oleh Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Nanta mengingatkan penggunaan minyak paket dalam polibeg satu kilogram adalah bertujuan untuk membantu golongan memerlukan khususnya B40.

Beliau berkata, minyak berkualiti berharga paling murah di dunia, iaitu RM2.50 itu tidak sepatutnya dibeli oleh pengusaha perniagaan seperti sektor makanan atau pengeluaran produk berasaskan minyak, sebaliknya dihaskan kepada golongan B40.

Katanya, hal ini kerana, meskipun kerajaan menerusi KPDNHEP mempunyai kuasa mengikut peruntukan Akta Kawalan Bekalan 1961 yang tidak membenarkan penggunaan minyak masak paket untuk kegunaan komersial, namun kerajaan masih mempunyai budi bicara.

"Justeru, kerajaan menerusi KPDNHEP masih ada budi bicara memandangkan pelbagai pihak, termasuk penjaja kecil cuba kembali bangkit daripada kesan pandemik sejak dua tahun lalu yang masih terasa hingga kini," katanya.

BERNAMA

Sidang Dewan Rakyat

# Kerajaan cari kaedah paling sesuai rangka subsidi bersasar

**Langkah elak ketirisan, tiada rakyat layak tercicir**

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Suzalina Halid  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sedang mencari mekanisme paling sesuai dalam merangka subsidi bersasar untuk rakyat yang berhak menerimanya, sekali gus mengelak tiada ketirisan dan golongan itu yang tertinggal.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata mekanisme itu memerlukan perincian dan bukan sesuatu yang mudah untuk ditentukan.

"Cadangan subsidi bersasar bukan sekarang, sebaliknya sejak be-

berapa kerajaan sebelum ini lagi, tetapi masih belum boleh dilaksana kerana belum ada mekanisme khusus untuk pastikan tidak ada rakyat tercicir dan tertinggal.

"Sebagai contoh, adakah kita perlu membeli gula atau minyak masak menggunakan kupon?

"Adakah kupon boleh digunakan atau menggunakan MyKad untuk membeli dan sebagainya. Ini yang sedang kita perincikan.

"Kita akan bentangkan di sini, apakah cara yang kita gunakan untuk subsidi bersasar ini," katanya pada sesi Pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson) yang bertanya tindakan kerajaan untuk menangani kenaikan kos sara hidup rakyat kerana mendakwa kerajaan mengambil pendekatan konvensional dan tidak ada persediaan untuk melakukan perubahan struktur.

Menceritakan pengalamannya

ketika bertugas sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Ismail Sabri berkata, banyak persoalan timbul ketika mekanisme ditetapkan bagi pemberian subsidi bersasar untuk petrol RON95.

"Siapa yang layak dapat, kita kata kereta 2,000cc ke bawah, jadi pelbagai istilah mengenainya. Sebagai contoh, seorang imam kampung memakai Volvo lebih 2,000cc yang mana tidak boleh mendapat subsidi, tetapi harga kereta itu RM10,000.

## Subsidi lebih RM77 bilion

"Ada kereta mini yang kecil berharga ratusan ribu, tetapi layak mendapat subsidi kerana di bawah 2,000cc. Jadi, ini antara perkara perlu diperincikan," katanya.

Menjawab soalan asal Anwar mengenai langkah diambil untuk menangani kenaikan kos sara hidup, Perdana Menteri berkata, komitmen kerajaan dibuktikan dengan meningkatkan peruntukan subsidi kepada lebih RM77 bilion,



Ismail Sabri ketika menjawab soalan pada Sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam.

(Foto BERNAMA)

berbanding peruntukan asal RM31 bilion bagi 2020.

Katanya, daripada jumlah ini, RM1.1 bilion diperuntukkan kepada subsidi ayam dan telur, menunjukkan kesungguhan kerajaan membantu rakyat.

"Sekarang kita melihat hasilnya, harga sudah mulai stabil. Melalui cerapan data harga mingguan, kerajaan mendapat kesan positif kerana harga ayam sebenarnya berasa di bawah harga kawalan RM9.40 bagi Semenanjung.

"Harga purata nasional mingguan sehingga 9 Julai lalu adalah RM9.22 dan Pahang merekodkan harga terendah sebanyak RM8.95," katanya.

Perdana Menteri berkata, selain memberi subsidi, kerajaan menambah nilai Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) dan sehingga kini, jumlah maksimum diterima B40 sebanyak RM2,600 setahun.

"Insya Allah, kita akan tengok ke-

adaan, jika perlu kita naikkan dan kalau harga barang sudah stabil, kita tidak naikkan lagi," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan sedang melaksanakan audit terhadap kilang pembungkusan minyak masak paket bagi memastikan bekalan bahan keperluan itu tidak terus diseleweng, termasuk dijual ke negara jiran.

Beliau berkata, ia antara tindakan dilaksanakan bermula daripada punca minyak masak itu dieluarkan.

"Kita audit pengilang pembungkus minyak paket, dapatkan perincian pembeli, siapa penerima dan nama pembekal bagi mengecek penyelewengan.

"Kita akan lihat kemana minyak masak itu diantar. Kita akan dapatkan nama dan periksa dengan pembekal jumlah diperoleh sebab kadangkala ia tidak sampai kepada pembekal, sebaliknya dari kilang dibawa ke lain," katanya.

# Tiada elaun untuk ahli Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi

Kuala Lumpur: Tiada elaun diperuntukkan kepada ahli Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang ditubuhkan pada 29 Jun lalu kerana mereka berkhidmat se-

penuhnya demi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pasukan itu diketuai Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan

Sri Annur Musa serta diurus selia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) amat aktif dan sudah bersidang tiga kali sejak ditubuhkan.

"Kita menubuhkan pasukan itu bagi memastikan Keluarga Malaysia tidak terkesan dengan serius akibat kenaikan inflasi di seluruh dunia.

"Penubuhan pasukan ini juga bagi memastikan Keluarga Malaysia menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup dan menyelesaikan isu berkaitan inflasi khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan," katanya pada sidang Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Mohd Salim Sharif (BN-Jempol) mengenai keistimewaan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi dan perbezaannya dengan jawatankuasa berkaitan harga barang dan kos sara hidup seperti Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Perdana Menteri berkata, pasukan khas itu melihat kepada isu semasa iaitu kos sara hidup dan kenaikan harga barang.

"Pasukan ini bermesyuarat

dua kali seminggu iaitu Isnin dan Kamis. Ia mesti melaporkan kepada rakyat mengenai tindakan akan dilakukan.

"Ia juga berperanan sebagai penyelaras kerana kementerian berkaitan seperti Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta KPDNHEP bermesyuarat setiap minggu.

"Kementerian ini melaporkan kepada pasukan khas ini dan mengambil tindakan bersama," katanya.

## Berbeza dengan NACCOL

Perdana Menteri berkata, fungsi pasukan khas itu berbeza dengan NACCOL yang ditubuhkan pada 2014 yang melihat isu secara menyeluruh seperti harga barang, kos pengangkutan dan isu perumahan.

Katanya, di bawah pentadbiran NACCOL bermesyuarat dua bulan sekali dan dua kali setahun di bawah Pakatan Harapan (PH).

Sementara itu, Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam soalan tambahanya mendakwa kerajaan menggunakan pendekatan konvensional dalam menangani masalah kos sara hidup rakyat dan tidak bersedia membawa per-

bahan struktur.

Ahli Parlimen Port Dickson itu, berkata kerajaan tidak boleh hanya membicarakan soal subsidi yang kini turut dikenakan golongan kaya dan warga asing, sebaliknya melaksanakan tindakan lebih menyeluruh.

"Umpamanya, mengenai kos import (bahan makanan) yang tinggi itu kerana ringgit merudum. Ada pendekatan untuk memperkuuh nilai ringgit supaya jumlah import tidak meningkat?

"Mengenai soal subsidi minyak, kita mampu menurunkan harga minyak jika pendekatan itu secara bersasar manakala inflasi pula, ikut kita mahu guna bukal apa.

"Kalau barang makanan, tiada siapa percaya harga makanan itu (inflasi) 2.8 peratus, atau empat atau enam peratus.

"Justeru, kerajaan mestilah realistik. Beban ditanggung rakyat memang sangat berat dan saya percaya Perdana Menteri menyentuh perkara ini beberapa kali. Soalnya, apa tindakan?" katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengemukakan soalan tambahan kepada Perdana Menteri mengenai langkah kerajaan menangani kos sara hidup rakyat pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat.



## **KILANG BUNGKUS MINYAK MASAK PEKET DIAUDIT »4**

Kerajaan ingin tahu ke mana produk bersubsidi itu dilihatkan elak penyelewengan

Tangani isu penyelewengan minyak bersubsidi

# Kerajaan audit kilang bungkus minyak peket

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**KUALA LUMPUR** — Kerajaan sedang melaksanakan audit terhadap kilang pembungkusan minyak masak peket bagi mengecekkan barang bersubsidi itu di seludup ke negara lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia antara tindakan untuk menangani penyelewangan yang akan dilaksanakan bermula daripada punca minyak masak itu dikeluarkan.

"Minyak masak peket bersubsidi diseleweng kerana harganya yang rendah iaitu RM2.50 sen. Kita sedang ambil tindakan.

"Pertama dari segi punca,

## DEWAN RAKYAT



Kita akan audit kilang-kilang. Kita akan dapatkan perincian ke mana minyak masak dihantar dan siapa pembeli minyak masak ini.

"Kita akan dapatkan nama yang dibekalkan dan kita akan periksa dengan pembekal berapa banyak dia dapat," katanya pada persidangan Dewan Rakyat di

sini semalam.

Beliau menjawab soalan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson) tentang langkah yang diambil kerajaan untuk menangani kenaikan kos sara hidup dan memastikan kestabilan harga barang.

Ismail Sabri berkata, langkah seterusnya bagi menangani penyelewangan minyak masak bersubsidi adalah memperketatkan penguatkuasaan di sempadan negara.

Menurut beliau, kerajaan juga sebelum ini telah mengeluarkan arahan pasukan polis dan tentera turut terlibat dari segi pengawalan barang keperluan termasuk minyak masak.



AUDIT dilakukan bagi menangani penyelewangan bermula dari proses pembungkusan. — GAMBAR HIASAN

## DEWAN RAKYAT

# Audit pengilang

Bernama

Kuala Lumpur

**M**ekanisme sesuai bagi pelaksanaan subsidi bersasar sedang dirangka untuk memastikan peruntukan yang disalur kerajaan dinikmati mereka yang benar-benar berhak, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, pelbagai perkara perlu diperincikan berhubung mekanisme beraikan supaya peruntukan kerajaan untuk membantu rakyat negara ini tidak se-wenang-wenangnya dinikmati pihak yang tidak layak termasuk rakyat asing.

"Memang kerajaan kerugian besar akibat subsidi tersasar dan tidak bersasar ini kerana semua pihak menikmati subsidi yang sepertinya dikhawatirkan untuk mereka yang berhak dapat iaitu golongan miskin," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau berkata, demikian sebagai menjawab soalan tambahan **Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson)** berhubung tindakan kerajaan dalam menangani ketirisan subsidi yang turut dinikmati warga asing dan golongan kaya.

Ismail Sabri mengambil maklum perkara itu sudah dikaji beberapa kerajaan sebelum ini, namun belum dapat dilaksanakan sehingga kini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga sedang mengambil tindakan mengekang aktiviti penyeludupan



ISMAIL Sabri pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

barang yang disubsidi seperti minyak masak di peringkat industri dan di sempena negara.

Beliau berkata pihak berkusa akan melakukan audit terhadap pengilang dan mendapatkan maklumat terperinci mengenai pembeli mereka.

"Yang paling senang menyelweng contohnya pembungkus minyak *repackers*, mereka diberi kebenaran untuk membungkus satu tan minyak masak contohnya, ke mana minyak masak itu diantar, jadi kita akan dapatkan maklumat terperinci di kilang-kilang itu, siapa penerima minyak

masak berkenaan," katanya.

Menurutnya, dari segi penyeludupan di sempadan pula kerajaan mengarahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk terbabit mengawasi aktiviti itu, selain pihak Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Kerajaan tidak berdiam diri, Perdana Menteri tidak boleh dikatakan tak melakukan apa-apa tindakan, Insya-Allah kita akan lakukan yang terbaik untuk negara," katanya.

Mengulas lanjut Ismail Sabri berkata, bagi mem-

bantu Keluarga Malaysia menangani kenaikan kos sara hidup, kerajaan memperuntukkan subsidi lebih RM77 billion berbanding peruntukan asal RM31 billion bagi 2022.

Beliau berkata, ia termasuk subsidi minyak masak berjumlah RM4 billion, gandum (RM40 juta), gas petroleum cecair (RM2.6 billion), diesel (RM7.5 billion) dan RON95 (RM27 billion).

"Tidak ada subsidi yang ditarik balik, kalau ada kempen yang mengatakan sila kembalikan subsidi, itu tidak betul kerana subsidi tidak pernah ditarik balik sejak daripada mula kita laksanakan," katanya.

Menurutnya subsidi yang diberikan kerajaan menyebabkan kadar inflasi negara berada pada 2.8 peratus, terendah di Asia Tenggara.

Perdana Menteri berkata, selain pemberian subsidi, kerajaan turut menambah bantuan kewangan tunai melalui Bantuan Keluarga Malaysia (BKM), dengan golongan B40 menerima maksimum RM2,600 setahun.

"Insya-Allah kita tengok keadaan, kalau perlu naik, kita naikkan, kalau harga barang sudah stabil kita tidak naikkan," katanya.

Sementara itu menjawab soalan **Datuk Seri Mohd Salim Sharif (BN-Jempol)** mengenai perbezaan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi dan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Ismail Sabri berkata, pasukan khas itu menumpukan isu semasa dan terkini mengenai kenaikan harga barang.

**“  
Insya-Allah kita  
tengok keadaan,  
kalau perlu naik,  
kita naikkan,  
Ismail Sabri”**

## PJKM diperluas kepada 600 DUN

KUALA LUMPUR - Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi membiayai Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang akan diperluas kepada 600 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) bermula bulan ini sehingga hujung tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Pasukan Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa berkata, pelaksanaan program itu bertujuan membantu meringankan beban rakyat susulan peningkatan kos sara hidup ketika ini.

"PJKM ini akan diadakan setiap minggu bermula bulan ini berbanding dua kali seminggu bagi memastikan rakyat mampu membeli barang keperluan dengan harga berpatutan.

"Melalui program ini juga, rakyat berpeluang membeli barang dengan lebih murah



Annuar (kiri) pada sidang akhbar di Pusat Media Parlimen.

sehingga 20 peratus daripada harga pasaran," katanya ketika sidang akhbar di Pusat Media Parlimen di sini pada Isnin.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Menurutnya, tawaran harga murah lebih 20 peratus itu tidak melibatkan semua pro-

duk kerana tumpuan utama adalah barang keperluan asas.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Annuar yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia (K-KOM) turut memaklumkan, setakat 17 Julai sebanyak 521,995 pemeriksaan harga barang telah diadakan di seluruh negara dengan sebanyak RM52 juta nilai rampasan dibuat.

## 'Kami akan cari 'pengkhianat' barangan subsidi'

KUALA LUMPUR - Semua pihak diminta untuk tidak menyalah erti tolak ansur kerajaan dalam menangani isu ketirisan bekalan barang bersubsidi, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Nanta berkata, kementeriannya bersama seluruh jentera agensi penguat kuasa kini menggembung tenaga dalam membasmi ketirisan barang bersubsidi secara habis-habisan.

Menurutnya, usaha memerangi ketirisan itu akan diteruskan menerusi proses audit dan pemutihan yang giat dijalankan ketika ini.

"Mesej sama ditujukan kepada 'pengkhianat' yang mendalangi rangkaian kegiatan penyeludupan dan penyelewengan barang bersubsidi, kami akan cari dan dapatkan kamu. Hentikan sebelum terlambat. Jangan angkara gelap mata dengan keuntungan berlipat ganda, hak orang lain sebagai penerima subsidi sebenar dinafikan," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi hantaran di Twitternya mengenai ungkapan 'Bukan Semudah ABC' oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semasa memberi penjelasan berhubung ketirisan barang bersubsidi dan kenaikan kos sara hidup yang diajukan oleh Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat di sini pada Isnin.

Dalam pada itu, Nanta mengingatkan bahawa penggunaan minyak peket dalam polibeg satu kilogram adalah ber-



ALEXANDER NANTA  
LINGGI

tujuan untuk membantu golongan memerlukan khususnya B40.

Beliau berkata, minyak berkualiti berharga paling murah di dunia iaitu RM2.50 itu tidak sepatutnya dibeli oleh pengusaha perniagaan seperti sektor makanan atau pengeluaran produk berdasarkan minyak, sebaliknya dikhaskan kepada golongan B40.

Ini kerana, katanya, meskipun kerajaan menerusi KPDNHEP mempunyai kuasa mengikut peruntukan Akta Kawalan Bekalan 1961 yang tidak membenarkan penggunaan minyak masak paket untuk kegunaan komersial, namun kerajaan masih mempunyai budi bicara.

"Justeru, kerajaan menerusi KPDNHEP masih mempunyai budi bicara memandangkan pelbagai pihak termasuk penjaja kecil cuba kembali bangkit daripada kesan pandemik Covid-19 sejak dua tahun lalu yang masih terasa hingga kini," katanya.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong menerusi hantaran di Facebooknya berkata, Perdana Menteri telah memberikan penjelasan secara terperinci terhadap soalan yang telah dibangkitkan dalam sesi itu.

"Syabas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menjawab (soalan) dengan cukup tenang dan padat dengan menerangkan langkah-langkah kerajaan demi memastikan kebijakan rakyat sentiasa terpelihara, lebih-lebih lagi dalam mendepani cabaran mencabar akibat inflasi yang turut menimpa seluruh dunia pada ketika ini," katanya. - Bernama

## Harga ubat perlu dikawal elak pencatutan

**PUTRAJAYA** - Kerajaan melalui Kementerian Keehatten Malaysia (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) disarankan melakukan kawalan harga terhadap ubat-ubatan.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi Buang berkata, tindakan itu bagi mengelakkan berlakunya pencatutan khususnya terhadap ubat-ubatan yang mengalami bekalan meruncing seperti demam, selesma dan antibiotik.

"Penyelarasan harga merupakan suatu keadaan yang kompleks, namun dari segi dasar, ia perlu dilakukan demi kepentingan rakyat," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Menurutnya, kekurangan bekalan ubat perlu dianggap sebagai sekuriti ubat-ubatan sebagaimana sekuriti makanan.

"Kerajaan perlu memandang dan menangani isu kekurangan bekalan ubat-ubatan ini dengan lebih serius lagi kerana ia melibatkan ke-

san kepada rak-yet," katanya.

Beliau berkata, kekurangan bekalan ubat-ubatan di pasaran tempatan dikesan sejak Oktober tahun lalu.

"Walaupun kerajaan membenarkan penggunaan stok pinimbal KKM, tetapi saya rasa ketidakstabilan bekalan ini akan terus berlaku sehingga pandemik Covid-19 benar-benar terkawal dan menjadi endemik," katanya.

Amrahi berkata, peningkatan kes influenza like illness (ILI) turut menjadi faktor penyumbang bekalan ubat-ubatan berada dalam keadaan mendesak.

"Kadaan itu memberi kesan terhadap bekalan sedia ada," katanya.

Ujarnya, semua pihak perlu bekerjasama untuk mencari jalan penyelesaian bersama dalam menghadapi isu kekurangan bekalan ubat.

"Jangan ada pihak yang menyorok bekalan untuk dapatkan keuntungan," tegasnya.

Tegas Amrahi, masya-

### ISU KEKURANGAN BEKALAN UBAT

kat juga dilingat-kan agar membeli ubat mengikut ke-

perluan.

"Usah membazir membeli ubat yang tidak perlu," katanya.

Menyentuh mengenai peningkatan kos ubat-ubatan, beliau berkata, ia berlaku berdasarkan beberapa faktor, antaranya kawasan dan jenis pemilikan farmasi.

"Kos logistik adalah satu isu besar khususnya di kawasan pedalaman termasuk Sabah dan Sarawak.

Harga ubat-ubatan adalah berbeza jika operasi sebuah farmasi dikendalikan oleh seseorang ahli farmasi secara persendirian atau jenis rantai kecil mahupun besar," katanya.

Katanya, kos operasi dan keupayaan premis untuk membeli ubat secara pukal adalah satu cabaran yang benar.

"Maka wujudlah kuota-kuota di pasaran yang akhirnya memberi kesan kepada rakyat," katanya.

## Padah simpan minyak masak tanpa permit

**PUTRAJAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPNDHEP) merampas 176 botol minyak masak bernilai RM7,920 yang disimpan tanpa permit di sebuah premis di Port Dickson, Negeri Sembilan Jumaat lalu.

Pengarah Penguat kuasa KPNDHEP Putrajaya, Azman Adam berkata, operasi pada-jam 6 petang itu dijalankan hasil aduan awam.

Menurutnya, seorang lelaki tempatan berusia lingkungan 60-an mengaku sebagai pemilik premis terbabit dan memaklumkan bahawa perniagaan yang dijalankan adalah menjual guni dan memproses makanan.

"Pemilik terbabit gagal mengemukakan sebarang dokumen permit kebenaran menyimpan barang kawalan berjadual di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Pasukan serbuan telah bertindak dengan merampas sejumlah 44 kotak mengandungi 176 botol minyak masak bersaiz lima kilogram bernilai RM7,920 selain beberapa dokumen perniagaan," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata, siasatan masih dijalankan bagi mengenal pasti punca bekalan minyak masak itu diperoleh dan tujuan minyak masak tersebut disimpan dalam kuantiti melebihi daripada had yang dibenarkan tanpa permit.

"Semua peniaga yang menyimpan barang kawalan berjadual terutamanya minyak masak bagi kegunaan perniagaan agar mendapatkan permit kebenaran menyimpan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengelakkan dikenakan tindakan tegas," katanya.



Sebuah premis di Port Dickson, Negeri Sembilan diserbu KPNDHEP pada Jumaat lalu kerana menyimpan minyak masak tanpa permit.



ANTARA peralatan yang dirampas polis di salah satu lokasi di Johor Bahru, Johor pada Khamis lalu.

## Sindiket seleweng diesel tumpas, 6 lelaki ditahan

**KUALA LUMPUR** – Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjaya menumpaskan sindiket menjual dan membeli semula diesel subsidi selepas enam lelaki tempatan ditahan dalam serbuan Op Kontraban di Johor Bahru, Johor pada 14 Julai lalu.

Setiausaha PDRM, Datuk Noorsiah Mohd. Saaduddin berkata, pihaknya merampas 45,997 liter minyak diesel, empat lori serta lima tangki minyak diesel dalam serbuan itu.

"Nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM998,850 dan kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, dalam serbuan

berasingan, polis sekali lagi berjaya merampas 25,306 kotak dan botol vape disyaki mengandungi nikotin dianggarkan bernilai RM2.7 juta di Kajang, Selangor pada 12 Julai lalu.

"Operasi dijalankan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri serta Ketenteraman Awam (JKDNKA) bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

"Nilai rampasan bagi kedua-dua serbuan dalam operasi itu dianggarkan berjumlah lebih RM3.6 juta," katanya.

Jelas beliau, PDRM melalui JKDNKA akan terus komited dalam melaksanakan operasi membanteras sindiket penyeludupan kontraban dan barang-kawalan bersubsidi.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : SELASA  
TARIKH : 19/07/2022  
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan	
Ayam	RM7.99
Daging Lembu Tempatan	RM44.99
Daging Lembu Import	RM 53.90
Telur Gred A	RM13.05
Ikan Kembung	RM8.90
Miryak Masak	RM6.55
Gula Pasir	RM2.85
Bawang Besar Holland	RM2.50
Bawang Putih	RM5
Cili Merah	RM12.90
Kubis Bulat Tempatan	RM5
Tepung Gandum	RM2.60

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP